



Search bar with 'CARI' button

- Nasional
- Artikel
  - Rencana
  - Forum
- 
- Blog di Prihatin
- Jenayah
  - S
  - Johor
  - Utara
  - Timur
  - Pahang
  - Sabah & Sarawak
  - Suara Rakyat
- Luar Negara
- Hiburan
- Sukan
  - Dalam Negeri
  - Luar Negara
  - Rencana Sukan
    - Golf
    - EURO 2012
    - ePlayer
- Bisnes
  - Ekonomi
  - Korporat
  - Produk/Servis
    - Agro
    - Saham
    - Matawang
- Pendidikan
  - Sekolah
  - Kampus
  - Sastera
  - Agama
- Sains
  - Sains & Teknologi
    - Megabait
    - Kesihatan
    - Impak Alam
- Rekreasi
  - Rekreasi
  - Pemotoran
  - Pancing
  - Impak Alam
  - Pelancongan
  - Catatan Kembara
  - Hotel Reviews
- Gaya Hidup
  - Feminin
  - Keluarga
  - Kesihatan
  - Polis & Tentera
- Xtive
  - Video
  - Blog Editor
  - Suara Rakyat
  - Salam Aidilfitri
- - Live!
  - Arkib Berita
  - Jom Iklan
  - English

E-PAPER

MUKA HADAPAN



Menarik hari ini

ARKIB : 30/12/2005

0

## 15 projek ATM terbengkalai – Kementerian Pertahanan kecewa program pemodenan terbantut

Oleh: ZABRY MOHAMAD

KUALA LUMPUR 29 Dis. - Hanya satu sahaja daripada 16 projek penswastan oleh Kementerian Pertahanan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) berjaya disiapkan dan diserahkan kepada kerajaan mengikut jadual.

Projek tersebut adalah pembinaan kem tentera di Bukit Gedung, Pulau Pinang.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Tan Sri Subhan Jasmon yang kecewa dengan perkembangan itu berkata, kegagalan syarikat-syarikat terbabit menyiapkan projek yang diberikan telah melambatkan program pemodenan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

``Kemajuan projek penswastan kemudahan-kemudahan ATM amat tidak menggalakkan.

``Adalah mendukacitakan kerana daripada 16 projek itu hanya satu saja yang dapat diserahkan kepada kerajaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan," katanya ketika berucap pada majlis menandatangani perjanjian projek penswastan kem tentera di sini, hari ini.

Projek penswastan merupakan salah satu cara meringankan beban kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan dalam melaksanakan projek-projek pembinaan.

Melalui kaedah ini, Kementerian Pertahanan akan membayar nilai projek tersebut dengan penukaran tanah milik Kerajaan Persekutuan kepada syarikat terbabit.

Antara projek yang terbengkalai ialah pembinaan Kem Transit dan Rejimen 502 Askar Wataniah bernilai RM66 juta berdekatan Kementerian Pertahanan di sini.

Kem Transit setinggi 10 tingkat itu sepatutnya siap pada penghujung tahun 1999.

Ia dibina bagi menggantikan kem yang sedia ada di tapak seluas 1.6 hektar di Lot 108, Mukim Ampang.

Projek lain adalah pembinaan kem tentera di Skudai, Johor bagi menggantikan Kem Majidee di Johor Bahru.

Satu lagi pembinaan kompleks pengajian tinggi ATM yang dikenali sebagai Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (Puspahanas) di Taman Templer, Rawang, Selangor.

Projek yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) ditangguhkan sehingga ke hari ini.

Menurut Subhan, kemantapan sesebuah angkatan tentera bergantung kepada kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada mereka.

``Tanpa kemudahan yang mencukupi serta berkesan maka sukar untuk melahirkan sebuah pasukan pertahanan yang mantap demi meneruskan visi dan misi negara," jelasnya.

Sementara itu, majlis hari ini menyaksikan upacara menandatangani perjanjian projek penswastan bernilai RM230 juta membabitkan pembinaan Kompleks Markas 1 Divisyen serta Kem Batalion Keempat Rejimen Renjer Diraja di Muara Tuang, Kota Samarahan, Sarawak dan pakej keempat Akademi Tentera Malaysia (Atma) di Kem Sungai Besi di sini.

Ia merupakan salah satu daripada 16 projek yang diswastakan Kementerian Pertahanan dalam RMK-8.

Kos pembinaannya akan dibayar dengan penukaran tanah milik Kerajaan Persekutuan seluas 236 hektar di Bukit Raja dan Kapar di Klang, Selangor serta di Jalan Palm, Kuching, Sarawak.

Ia akan dibina oleh Konsortium Jendela Hikmat Sdn. Bhd. terdiri daripada tiga syarikat iaitu Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Cascara Sdn. Bhd. dan Bakti Wira Sdn. Bhd.

Projek berkenaan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun.

Bagaimanapun, kerajaan melanjutkan tempoh tersebut kepada tiga tahun dan sembilan bulan.

Ia merupakan projek penswastan pertama diberikan tempoh siap oleh Kementerian Pertahanan.

KOMUNITI

Waktu Solat

Laporan Cuaca

BERITA

Berita Utama

Dalam Negeri

Wilayah

Laporan Khas

Parlimen

Politik

Luar Negara

Sukan

Bisnes

Mahkamah

Jenayah

KOLUMNIS



ZAINI HASSAN



HASSAN MOHD NOOR

GAYA HIDUP

Agama

Keluarga

Hiburan

Rancangan TV

Feminin

Pendidikan

Sains & Teknologi

Agro

Kesihatan

S3

Polis & Tentera

Sastera

ARTIKEL

Rencana

IKLAN@UTUSAN

ePlayer Sukan

IKLAN@UTUSAN

MENARIK



Peraduan Kumpul & Menang  
Menangi pelbagai hadiah yang menarik.

<b>Cuit</b>
<b>Selak</b>
<b>Awang Selamat</b>
<b>Kolumnis</b>
<b>Forum</b>
<b>Catatan Kembara</b>

Antara yang hadir di majlis itu adalah Panglima ATM, Laksamana Tan Sri Mohd. Anwar Mohd. Nor; Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Abdul Aziz Zainal; Panglima 1 Divisyen, Mejar Jeneral Datuk Muhamad Effendi Mustafa dan Pengerusi Jendela Hikmat Sdn. Bhd., Jeneral (B) Datuk Seri Che Md. Noor Mat Arshad.

**Astro B.yond VOD**

[www.astro.com.my/vod](http://www.astro.com.my/vod)

Enjoy Video On Demand With The Astro Wi-Fi Dongle. Order Now!



Iklan oleh Google

**CAPAIAAN LAIN**

- Classifieds**
- Utusan Airtime**
- Portal Pendidikan**
- Kosmo! Online**
- Mangga Online**
- Saji Online**
- MyBooks**
- Kareer**
- Utusan Karya**
- Laman Xtive**

0

0

0

0

Like
Tweet

**Anda mungkin juga meminati:**

- [Kuota OKU dalam perkhidmatan awam gagal dipenuhi](#)
- [Polis siasat akaun Twitter persenda Tunku Mahkota Johor](#)
- [Dasar gaji minimum diumumkan separuh pertama tahun ini](#)
- [Kalou bantu kemenangan Chelsea ke atas Benfica](#)

LinkWithin

**TAJUK-TAJUK BERITA LAIN:**

- [Sakit tak halang bukti kemampuan](#)

[Utusan Online](#) on Facebook

**Real Life Stories**  
[www.projectlisten.com](http://www.projectlisten.com)  
 Be inspired by stories of these people. Read all about it here

Iklan oleh Google

- Arkib Jom Chat**  
Koleksi Jom Chat Bersama...
- Arkib Laporan Langsung**  
Koleksi Laporan Langsung
- Ruang iklan percuma hartanah, produk**  
Promosikan perniagaan anda kepada dunia.
- Jom langgan akhbar Utusan Malaysia**  
Dapatkan terus akhbar dengan cara mudah.
- Aduan sukar dapat naskhah akhbar**  
Beritahu kami jika akhbar tiada di tempat anda.
- Gambar kahwin Album Raja Sehari**  
Abadikan kenangan indah anda di dada akhbar.
- Mari baca Utusan Melayu Mingguan**  
Kekalkan tradisi, pelajari tulisan jawi.
- SMS News Alert Utusan Malaysia**  
Dapatkan berita terkini di telefon bimbit anda.

**DARI TUTOR.COM.MY**

“ **Dapatkan Pakej Pembelajaran Online yang boleh membantu anda berhadapan peperiksaan dengan penuh yakin!** ”



**Terkini**  
**Berita Utama**  
 Arkib Berita

English Edition

- Nasional**  
 Dalam Negeri  
 Politik  
 Parlimen  
 Jenayah  
 Mahkamah  
 Laporan Khas
- Luar Negara**

- Artikel**  
 Rencana  
 Forum  
 Kolumnis  
 Cuit  
 Selak  
 Blog  
 Kami Prihatin

- Wilayah**  
 Kota  
 Selatan  
 Johor  
 Utara  
 Timur  
 Pahang  
 Sabah & Sarawak  
 Suara Rakyat

- Hiburan**  
 Tempatan  
 Rancangan TV
- Gaya Hidup**  
 Feminin  
 Keluarga  
 Kesihatan  
 Polis & Tentera

- Sukan**  
 Dalam Negeri  
 Luar Negara  
 Rencana Sukan  
 Golf  
 EURO 2012  
 ePlayer

- Bisnes**  
 Ekonomi  
 Korporat  
 Produk/Servis  
 Agro  
 Saham  
 Matawang

- Pendidikan**  
 Sekolah  
 Kampus  
 Sastera  
 Agama

- Sains**  
 Sains & Teknologi  
 Megabait  
 Kesihatan

- Rekreasi**  
 Rekreasi  
 Pemotoran  
 Pancing  
 Pelancongan  
 Impak Alam  
 Catatan Kembara  
 Hotel Reviews

- Xtive**  
 Video  
 Blog Editor  
 Suara Rakyat  
 Salam Aidifitri

[Hubungi Kami](#) | [Jom Iklan](#) | [Facebook](#) | [Twitter](#) |

[Kumpulan Utusan](#) | [Kosmo!](#) | [Tutor](#) | [ADaP](#) | [e-Lab](#) | [Mangga Online](#) | [Saji Online](#) | [disini.my](#) | [MyBooks](#) | [Kareer](#) | [Utusan Airtime](#) | [Utusan Karya](#)

Mengenai Kami | Terma & Syarat

WWW.UTUSAN.COM.MY © 1997-2012 UTUSAN MELAYU (M) BERHAD, 46M, Jalan Lima Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.